

19 JAN 1996

Umno-penggiliran

PEMUDA UMNO SABAH TOLAK PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 19 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Sabah hari ini mengambil ketetapan menolak cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah seperti yang dijanjikan Perdana Menteri pada pilihan raya umum negeri pada Mac 1994.

Ketetapan itu dibuat pada mesyuarat khas yang dihadiri 17 daripada 20 ketua pemuda Umno negeri. Mesyuarat juga mendesak pimpinan Barisan Nasional (BN) Sabah agar mengambil keputusan tegas menolak cadangan penggiliran jawatan itu.

Naib ketua pemuda Sabah Mohd Samlih Duaisin, yang mempengerusikan mesyuarat itu, berkata pergerakan kesal dan tidak puas hati dengan keputusan BN negeri pada mesyuaratnya 8 Jan lepas kerana gagal mendapat keputusan atau kata sepakat berhubung isu itu.

"Oleh kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyerahkan isu ini kepada BN Sabah, maka sepatutnya mereka membuat satu kata sepakat atau keputusan yang tegas," katanya kepada pemberita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur untuk menghadiri satu mesyuarat Umno.

Pemangku Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, yang mempengerusikan mesyuarat BN Isnin lepas, memberitahu pemberita selepas mesyuarat berkenaan bahawa BN negeri gagal mencapai kata sepakat terhadap isu penggiliran jawatan ketua menteri.

Mohd Samlih, yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, berkata Pemuda Umno Sabah berpendapat oleh kerana Umno merupakan parti utama yang menjadi tulang belakang kepada kerajaan BN negeri maka wajar jawatan ketua menteri terus dipegang oleh pimpinan parti itu.

Pergerakan pemuda turut meminta Majlis Tertinggi Umno membincangkan perkara itu pada mesyuaratnya yang akan datang kerana isu berkenaan juga isu nasional yang perlu ditangani seluruh Umno Malaysia, katanya. -- Bernama.